

Reaksi Malaysia dan Thailand Terhadap Krisis Pelarian Indochina, 1975-1990

Malaysia and Thailand Reactions Towards the Indochinese Refugee Crisis, 1975-1990

Dunita Nabila A. Rahimin

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Corresponding author: dunita.nabila@gmail.com

Abstrak

Kejatuhan Saigon, Phnom Penh, dan Vientiane ke tangan Komunis pada tahun 1975, telah menyaksikan berlakunya krisis kemasukan beramai-ramai pelarian Indochina ke negara-negara Asia Tenggara. Keadaan ini semakin buruk dengan pencerobohan tentera Vietnam ke Kemboja pada tahun 1978. Konflik Kemboja yang berterusan ini menyebabkan berlakunya peningkatan pelarian Indochina yang mendadak sehingga menjadikan negara-negara seperti Thailand dan Malaysia sebagai negara tertinggi menerima pelarian Indochina. Kedatangan pelarian Indochina ini menyebabkan Malaysia dan Thailand berhadapan dengan cabaran yang besar dalam menguruskan hal ehwal pelarian Indochina. Makalah ini mempunyai dua objektif utama iaitu; mengkaji apakah bentuk cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dan Thailand ketika krisis pelarian Indochina ini berlaku dan yang kedua, menilai pendekatan yang diambil oleh kedua-dua negara ini dalam mengendalikan krisis ini. Dalam mencapai kedua-dua objektif ini, kaedah kualitatif digunakan dengan cara menganalisis sumber primer seperti dokumen arkib dan laporan akhbar dalam menghasilkan perbincangan yang lebih objektif. Bahan sekunder yang berautoritatif seperti tesis, buku, dan artikel jurnal turut digunakan bagi melengkapkan kajian ini. Hasil kajian ini mendapat bahawa terdapat persamaan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dan Thailand ketika krisis ini berlaku. Namun, terdapat sedikit perbezaan dalam pendekatan yang diambil oleh kedua-dua negara ini. Malaysia dilihat mengutamakan pelarian orang Islam Cham Kemboja dengan memberikan penempatan kekal kepada mereka. Sebaliknya, pelarian bot Vietnam tetap dipindahkan ke negara ketiga walaupun mereka diberikan bantuan pada peringkat awal. Hal ini berbeza dengan Thailand yang membantu semua lapisan bangsa pelarian Indochina dan membenarkan penempatan kekal melalui kaedah tertentu. Makalah ini menyimpulkan bahawa walaupun Malaysia dan Thailand menghadapi cabaran yang sama tetapi reaksi antara kedua-dua negara agak berbeza kerana perbezaan dasar dan kepentingan negara yang tersendiri.

Kata kunci: Krisis Pelarian Indochina, Konflik Kemboja, Malaysia, Thailand

Abstract

The fall of Saigon, Phnom Penh, and Vientiane to the Communists in 1975, precipitated a crisis of mass immigration of Indochinese refugees to Southeast Asian nations. The situation was

exacerbated by the Vietnamese army's invasion of Cambodia in 1978. The protracted Cambodian Conflict resulted in a significant influx of Indochinese refugees, leading Thailand and Malaysia to become the first asylum countries, thereby confronting substantial challenges in managing refugee affairs. This article has two primary objectives: to analyse the issues faced by Malaysia and Thailand during the Indochinese refugee crisis, and secondly, to assess the strategies employed by both countries in addressing this crisis. A qualitative method is used to provide a more objective discourse by evaluating primary materials, like archival records and newspaper reports. This study also utilised authoritative secondary materials, including theses, books, and journal articles. The findings reveal that Malaysia and Thailand encountered parallel obstacles during the crisis. Nonetheless, there are minor differences in the approaches implemented by these two countries. Malaysia was perceived as favouring Cambodian Cham Muslim refugees by granting them permanent resettlement. On the other hand, the Vietnamese boat refugees were repatriated to third countries despite receiving aid from Malaysia at the initial stage. Malaysia's strategies contrasted with Thailand's, which supported various groups of Indochinese refugees while allowing permanent resettlement through specific mechanisms. This research suggests that even though Malaysia and Thailand faced similar challenges, their responses differed slightly due to variations in policy and distinctive national interests.

Keywords: *Indochinese Refugees Crisis, Cambodian Conflict, Malaysia, Thailand.*

Pengenalan

Krisis pelarian yang melibatkan masyarakat Indochina dilihat bermula apabila negara-negara Indochina jatuh ke tangan Komunis pada tahun 1975. Kemenangan Vietnam Utara terhadap Saigon, kemenangan Khmer Rouge menguasai Phnom Penh dan juga kemenangan Pathet Lao menguasai Vientiane telah menyebabkan peningkatan yang mendadak pelarian dari negara-negara Indochina ini ke negara-negara Asia Tenggara. Krisis ini bagaimanapun tidak selesai walaupun berakhirnya Perang Vietnam pada tahun 1975 malah berlaku pula Konflik Kemboja. Konflik Kemboja telah bermula sejak Khmer Rouge berjaya menjadikan Kemboja sebuah republik Komunis, *Democratic Kampuchea* pada tahun 1975. Kejayaan tersebut telah memulakan dasar kejam rejim tersebut dengan memaksa rakyat Kemboja hidup sebagai masyarakat sosialis yang bercorak pertanian.¹ Sepanjang tempoh pentadbiran Khmer Rouge, rakyat Kemboja seperti bayi, kanak-kanak mahupun orang dewasa (lelaki mahupun wanita) telah diseksa dan dibunuhan secara kejam. Selain itu, Vietnam juga telah diserang dan rakyatnya dibunuhan lantaran kemahuan Khmer Rouge yang ingin mendapatkan semula Kampuchea Krom² daripada Vietnam. Tentera Vietnam kemudiannya bertindak balas lalu menyebabkan serangan antara kedua-dua pihak berlarutan. Akhirnya, tentera Vietnam bertindak menceroboh Kemboja pada tahun 1978. Pencerobohan yang didakwa oleh Vietnam sebagai misi kemanusiaan ini turut berselindung di sebalik impian Vietnam yang ingin membentuk Kesatuan Indochina³ seperti yang didakwa oleh Khmer Rouge. Pencerobohan ini bagaimanapun telah menghentikan pembunuhan beramai-ramai rakyat Kemboja oleh Khmer Rouge yang menyaksikan korban nyawa rakyat Kemboja seramai 1.5 hingga 2 juta orang. Kehadiran tentera Vietnam di Kemboja telah membawa kepada penubuhan kerajaan Heng Samrin yang mendapat dukungan Vietnam dan Kesatuan Soviet. Konflik Kemboja yang berterusan ini turut mendapat campur tangan kuasa besar seperti Kesatuan Soviet yang menyokong penuh Vietnam. China pula menyokong Khmer Rouge menentang Vietnam. Konflik ini menyebabkan rakyat Kemboja, Vietnam dan Laos menjadi mangsa. Akibatnya, rakyat dari negara Indochina ini telah menjadi pelarian dan mencari suaka ke negara-negara Asia Tenggara seperti Thailand, Malaysia, Indonesia dan Filipina malah ke negara Asia Timur seperti Hong Kong. Pada Persidangan Antarabangsa ke

atas Pelarian Indochina pada bulan Julai 1979, suatu penyelesaian telah diambil bahawa pelarian bot Vietnam diiktiraf sebagai ‘pelarian’ dan akan ditempatkan di negara-negara yang hanya akan menerima mereka sahaja iaitu negara-negara Barat.

Perbincangan mengenai krisis pelarian Indochina dalam kajian terdahulu banyak membincangkan tentang faktor-faktor yang menambah kedatangan pelarian Indochina ke negara-negara suaka pertama. Misalnya, kajian oleh Astri Suhrke (1981) *Indochinese Refugees: Impact on ASEAN and U.S. Policy* memfokuskan faktor yang mendorong pelarian Indochina mencari perlindungan di negara-negara suaka pertama, kesan krisis pelarian Indochina ke atas negara-negara ASEAN dan juga terhadap dasar-dasar Amerika Syarikat. Terdapat pelbagai kajian dilakukan mengenai keadaan pelarian Indochina di kem-kem pelarian di negara-negara suaka pertama seperti di Thailand, Malaysia, dan Hong Kong. Malah, terdapat juga kajian-kajian mengenai pelarian Indochina di negara-negara ketiga⁴ yang menjadi penempatan tetap bagi pelarian tersebut.

Terdapat juga kajian yang melibatkan cara pengendalian negara suaka pertama bagi pelarian ini. Supang Chantavanich dan P. Rabe (1990) dalam kajian bertajuk *Thailand and the Indochinese Refugees: Fifteen Years of Compromise and Uncertainty* misalnya membincangkan mengenai keadaan Thailand yang terpaksa menghadapi kehadiran pelarian Indochina, kerjasama Thailand dengan UNHCR, dan juga keadaan pelarian Indochina di kem-kem pelarian Thailand. Supang menegaskan bahawa Thailand terpaksa menerima kehadiran pelarian Indochina ini atas dasar kemanusiaan dan keselamatan. Melalui penulisan Ann Y. Rhie (1994) yang bertajuk *The Dilemma of Refugees: Lessons from the Thai Experience* pula, Rhie menyifatkan dasar Thailand terhadap pelarian Indochina bermula dengan ‘toleransi berhemah’ ke ‘pencegahan manusia’ dan kemudiannya bertukar kepada ‘pemindahan sukarela’. Melalui kajian ini juga, Rhie telah memperincikan bagaimana Thailand mengendalikan pelarian dari Vietnam, Kemboja dan Laos secara berasingan. Kajian Helton (1989) membincangkan tentang layanan Thailand terhadap pelarian Indochina yang mencari perlindungan dan kesan Persidangan Geneva 1979 terhadap pelarian Indochina. Menurut Helton, ketiadaan maklum balas segera daripada masyarakat dunia terhadap peningkatan pelarian Indochina telah menyebabkan kerajaan Thailand dan Malaysia mengambil dasar ‘mendera’, di mana kedua-dua kerajaan enggan menerima pelarian tersebut. Oleh yang demikian, adakah dasar-dasar yang diambil oleh Malaysia mahupun Thailand bersifat ‘mendera’, sedangkan sekiranya pelarian ini terus diterima oleh negara-negara ini, keadaan ini akan membebankan negara-negara suaka pertama lalu menyebabkan negara ketiga berlepas tangan?

Aszlan Selamat (2022) dalam satu tulisan beliau, *Antara Kepentingan Nasional dan Komitmen Antarabangsa: Pengalaman Malaysia Mengurus Pelarian Vietnam dari Tahun 1975 hingga 1990-an*, beliau membincangkan tindakan Malaysia terhadap kedatangan pelarian Vietnam yang mana pelarian ini telah menimbulkan pelbagai cabaran kepada Malaysia. Kajian Danny Wong Tze Ken (2003) pula memberikan perhatian kepada pelarian orang Islam Cham Kemboja yang dikesan mula mencari perlindungan di Malaysia pada tahun 1975 manakala kajian Rie Nakamura (2019) meninjau kehidupan pelarian Islam Cham Kemboja yang mengasimilasi dengan masyarakat Melayu di Malaysia. Kesemua kajian lepas ini memberi perbincangan yang menyeluruh bukan sahaja berkenaan cara pengendalian Malaysia atau Thailand secara individu malah tumpuan turut diberikan kepada situasi kumpulan pelarian Indochina yang tertentu. Hal ini menyebabkan tidak terdapat lagi kajian yang membandingkan dua buah negara yang menerima jumlah pelarian Indochina yang tertinggi iaitu Thailand dan Malaysia dalam menghadapi krisis yang sama ini. Ketiadaan kajian perbandingan ini menjadi suatu kekurangan di dalam kajian mengenai krisis pelarian Indochina. Oleh yang demikian, makalah ini ingin mengkaji persamaan dan perbezaan mengenai bentuk cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dan Thailand dalam menghadapi krisis pelarian Indochina ini dan menilai pendekatan yang diambil oleh kedua-dua negara ini dalam mengendalikan krisis ini.

Reaksi Thailand Terhadap Pelarian Indochina

Kedudukan Thailand yang sangat hampir dengan negara-negara Indochina telah menyebabkan Thailand menjadi sasaran dan tumpuan pelarian Indochina ketika Konflik Kemboja berlaku. Thailand muncul sebagai negara tertinggi menerima kedatangan pelarian ini dengan jumlah sebanyak 200,001 orang pelarian Indochina pada tahun 1979 (Rujuk Jadual 1: Bilangan Kedatangan Pelarian dan Orang yang Berpindah ke Thailand, 1975-1986). Disebabkan Thailand tidak menandatangani Konvensyen Geneva 1951 dan Protokol 1967, Thailand tidak terikat bagi mematuhi syarat-syarat perjanjian dalam melindungi pelarian dan bebas dalam mendefinisikan sendiri jenis pelarian-pelarian ini (Supang dan Rabe 1990, 68). Justeru, Thailand tidak perlu mengklasifikasikan pelarian Indochina yang terpaksa meninggalkan negara mereka dan mencari perlindungan di Thailand ini sebagai ‘pelarian’ secara rasmi. Pelarian yang tiba di Thailand sebelum tahun 1979 dianggap sebagai ‘orang yang berpindah’ manakala mereka yang tiba selepas tahun 1979 dianggap sebagai ‘pendatang haram’ (Supang dan Rabe 1990, 68). Hal ini kerana kedatangan pelarian Indochina telah melonjak tinggi dari 76,338 orang pelarian pada tahun 1975, 38,406 orang pelarian pada tahun 1976, 34,316 orang pelarian pada tahun 1977, 69,140 orang pelarian pada tahun 1978 kepada 200,001 orang pelarian pada tahun 1979 yang memaksa Thailand mengenakan sekatan terhadap kedatangan pelarian ke negaranya. Pada awalnya, reaksi Thailand terhadap kedatangan pelarian Indochina secara beramai-ramai ini boleh disifatkan sebagai ‘toleransi secara berhemah’ iaitu menerima dan melindungi pelarian Indochina yang tiba ke Thailand secara terbuka.

Dalam menghadapi cabaran ini, kerajaan Thailand bersama dengan *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) telah membina beberapa buah kem pelarian di beberapa negeri di Thailand sebagai usaha menempatkan pelarian Indochina yang tiba di Thailand. Terdapat dua jenis kem pelarian di Thailand iaitu; pertama, kem penahanan; dan kedua, kem pemprosesan pelarian atau pusat transit pelarian. Kem penahanan pelarian terdapat di Ban Na Pho, Ban Nam Yao, Ban Vinai, Chiang Kham, Kab Cherring, Khao I Dang, Sikhiu, dan Ubon (yang turut berfungsi bukan hanya sebagai kem pelarian malah, sebagai pusat pemindahan sukarela). Bagi kem untuk menguruskan pelarian atau turut dikenali sebagai pusat transit pelarian pula, kem-kem ini terdiri daripada Pusat Proses Pelarian Phanat Nikhom, Pusat Transit Phanat Nikhom dan Pusat Transit Bangkok. Thailand juga telah membina lapan buah kem di bahagian Utara dan Timur Utara Thailand sebagai usaha menempatkan pelarian Indochina yang berbangsa Lao. Bagi pelarian yang berbangsa Kemboja pula, kem-kem pelarian ditempatkan di bahagian Timur dan Timur Selatan Thailand. Bagi pelarian bot Vietnam, mereka ditempatkan di kem-kem transit sementara di Laem Sing yang terletak di bahagian Tenggara Thailand juga di Songkhla, di bahagian paling Selatan Thailand. Terdapat juga sebahagian kecil pelarian Vietnam yang ditempatkan di bahagian Tengah Thailand. Kerajaan Thailand turut menguruskan dua buah kem yang terletak di Nakhon Phanom yang menempatkan pelarian Lao, manakala di Buri Ram pula menempatkan pelarian Kemboja (FCO 15/2427). *Site 2 Camp* pula telah ditubuhkan pada bulan Januari 1985 di sempadan antara Thailand dan Kemboja. Kem ini merupakan kem pelarian yang terbesar di Asia Tenggara yang menempatkan seramai 160,000 pelarian Kemboja dan 6,000 pelarian Vietnam yang menjadikannya seumpama bandar Kemboja kedua terbesar dan memiliki populasi ketiga terbesar di Thailand (Helton 1989: 33).

Kerajaan Thailand telah menawarkan bukan sahaja sokongan logistik, malah pelbagai bentuk bantuan kepada pelarian Indochina seperti rawatan perubatan hospital. Terdapat enam belas organisasi sukarelawan yang beroperasi di Thailand yang berkerjasama rapat dengan kerajaan Thailand dan UNHCR bagi memenuhi keperluan pelarian. Pelarian Indochina di kem-kem pelarian Thailand turut mengikuti pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh *Committee for Coordination of Services for Displaced Persons* (CCSDPT). Selain menjadi pusat maklumat, jawatankuasa ini menjadi jambatan penghubung dan kerjasama bagi pelbagai agensi yang ingin

menghulurkan khidmat dan bantuan kepada pelarian Indochina di Thailand. Antara agensi yang turut terlibat dalam menawarkan khidmat dan bantuan kepada mereka adalah *Young Men's Christian Association* (YMCA), *Thai Red Cross* (TRC), *Save the Children Fund*, *International Rescue Committee*, dan *Project Vietnam Orphans*. Agensi-agensi ini juga menyediakan bantuan rawatan, program pendidikan, dan kawalan kadar kehamilan.

Selain agensi ini, terdapat juga organisasi sukarelawan antarabangsa yang terlibat di dalam proses pemindahan pelarian ke penempatan baharu. Organisasi ini turut memberikan bantuan kepada pelarian Indochina menerusi kerjasama dengan kerajaan Thailand. Organisasi ini terdiri daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR), *World Food Program* (WFP), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Operasi Bantuan Sempadan (UNBRO), *Handicap Internationale*, *ZOA Refugee Care Netherlands*, *International Committee of the Red Cross* (ICRC), *International Relief Friendship Foundation* (IRFF), *Catholic Office for Emergency Relief and Refugees* (COERR), *Intergovernmental Committee for Migration* (ICM), dan juga *Joint Voluntary Agency* (JVA) (Amara dan Noppawan 1988, 6). Organisasi antarabangsa ini juga bertanggungjawab menyediakan makanan kepada pelarian yang tinggal di kem pelarian di bawah pengawasan tentera Thai. Menurut sarjana Thai, Puangthong Rungswadisab, ekonomi Thailand secara amnya mendapat manfaat daripada sejumlah besar wang yang dibelanjakan oleh agensi bantuan antarabangsa dalam memberikan bantuan kepada pelarian-pelarian ini. Contohnya, antara tahun 1979 dan 1982, usaha membantu pelarian yang dibelanjakan berjumlah \$350 juta di Thailand dan sejak itu, Operasi Bantuan Sempadan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNBRO) telah membelanjakan 90 peratus daripada \$36 juta setiap tahun di Thailand. (Puangthong 2006, 99).

Reaksi Malaysia Terhadap Pelarian Indochina

Seperti Thailand, Malaysia turut mengalami peningkatan ketara jumlah pelarian Indochina semasa Konflik Kemboja. Berdasarkan Jadual 2: Bilangan Pelarian dan Orang yang Berpindah ke Malaysia di bawah Mandat UNHCR (1977-1990), bilangan pelarian bot Vietnam adalah jauh lebih tinggi berbanding bilangan pelarian Kemboja. Kedatangan pelarian bot Vietnam ini sememangnya memberi tekanan kepada Malaysia kerana terpaksa berdepan dengan ribuan orang pelarian secara mendadak. Seperti Thailand, Malaysia juga tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 yang menjadikan Malaysia tidak perlu untuk membina tempat perlindungan bagi pelarian. Namun begitu, atas dasar kemanusiaan, Malaysia tetap memberikan suaka kepada pelarian Indochina. Dua kumpulan pelarian Indochina yang datang ke Malaysia terdiri daripada orang Vietnam yang tiba dengan menaiki bot dan orang Islam Cham dari Kemboja yang mana sebahagian daripada mereka tiba dengan bot dan terdapat juga dalam kalangan mereka tiba melalui jalan darat.

Kerajaan Malaysia menawarkan perlindungan kepada pelarian Vietnam di tiga lokasi yang ditetapkan iaitu Pulau Bidong di Terengganu, Sungai Besi di Selangor dan Cherating di Pahang. Pulau Bidong telah dipilih sebagai destinasi kem pelarian kerana kedudukannya yang strategik telah memudahkan orang bot Vietnam mengesan kedudukannya. Selain kedudukannya yang berdekatan dengan pelantar minyak di luar pesisir pantai Terengganu, pulau tersebut turut terletak sejauh 200 batu dari Vietnam. Satu pertiga daripada Pulau Bidong telah diperuntukkan sebagai kem dan tempat perlindungan bagi pelarian Vietnam manakala Kem Sungai Besi ditetapkan sebagai kem sementara bagi pelarian Vietnam (Nguyen 1990, 27). Bagi Kem Cherating pula, Rio Nakamura menyatakan bahawa pada asalnya ia dibina untuk menempatkan pelarian Vietnam. Namun pada tahun 1980, ia telah ditukarkan sebagai kem pelarian bagi orang Islam Cham Kemboja. Alasan sebenar di sebalik pertukaran ini masih kekal tidak diketahui sehingga kini (Nakamura 2019, 297).

UNHCR telah bertindak membantu kerajaan Malaysia dengan membekalkan air bersih yang boleh diminum, kayu api dan bekalan makanan kepada pelarian Indochina di kem-kem pelarian tersebut. Selain itu, terdapat juga bantuan yang diberikan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Nguyen 1990, 27). Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia misalnya telah membantu menyediakan makanan ‘packed rations’ untuk pelarian Vietnam di Pulau Bidong yang mana setiap ‘packed rations’ tersebut mampu menjadi bekalan makanan selama tiga hari (1992/0004361, (S)000-00-250-03, 1982). Walaupun kerajaan Malaysia dilihat menyediakan tempat perlindungan kepada pelarian Indochina ini, Malaysia tidak pernah berhasrat untuk memberikan penempatan kekal kepada mereka. Di bawah Akta Imigresen 1977, pelarian telah diwartakan sebagai pendatang yang menyalahi undang-undang Malaysia yang menyebabkan mereka diketepikan daripada mendapat hak-hak istimewa seperti yang dinikmati oleh rakyat Malaysia (Wong 2003, 153) Pada tahun 1978, Malaysia memberikan perlindungan kepada kesemua pelarian bot Vietnam yang mencari suaka di Malaysia. Pada awal tahun 1979, kemasukan pendatang Vietnam telah meningkat yang mengakibatkan kerajaan Malaysia berdepan cabaran besar bagi menempatkan beribu-ribu pelarian Vietnam di kem-kem pelarian yang sangat terhad di Malaysia.

Cabaran yang dihadapai Malaysia dan Thailand

Beban Kewangan

Walaupun terdapat pelbagai agensi dan organisasi antarabangsa yang membantu menawarkan khidmat di kem-kem pelarian di Thailand, namun kehadiran beramai-ramai pelarian Indochina ini pada saban tahun telah membebankan kerajaan Thailand yang seolah-olah bertanggungjawab menyediakan keperluan dan penginapan kepada pelarian Indochina. Cabaran terbesar Thailand adalah menyediakan infrastruktur dan menanggung kos makanan yang tinggi, terutamanya di kem pelarian sempadan Thailand-Kemboja. Tidak cukup dengan itu, kerajaan Thailand terpaksa menampung kos pentadbiran yang tinggi dengan memperuntukan sejumlah besar tenaga kerja bagi menguruskan setiap kem pelarian (Rajendran 1985, 114). Bebanan ini disuarakan oleh Perdana Menteri Thailand, Kriangsak Chomanan: “*Kami mendapati semakin ramai pelarian di Thailand tanpa adanya sebarang peningkatan dalam peruntukan kami, hal ini menjadikan perlunya Thailand menggunakan peruntukan daripada bajetnya sendiri yang sangat terhad.*” (The Nation Review 3 Januari 1979).

Malaysia turut berhadapan dengan cabaran yang sama apabila dalam usaha memberi bantuan kepada pelarian-pelarian Vietnam, Malaysia terpaksa menanggung beban kewangan yang menekankan. Hal ini dapat dilihat apabila Kerajaan Malaysia terpaksa menampung keperluan pelarian bot Vietnam yang datang secara haram. Misalnya, bekalan air bersih terpaksa diangkut dari tanah besar ke Pulau Bidong yang memakan kos bulanan sebanyak \$25,000 sebulan. (1992/0004361, (S)000-00-250-03, 1982, p. 3) ‘Water barge’ digunakan untuk membawa bekalan air bersih kepada pelarian di situ. Kira-kira 25,000 gelen air digunakan bagi menampung 8,000 pelarian Vietnam dalam sehari. (1992/0004361, (S)000-00-250-03, 1982, p. 3) Walaupun pihak UNHCR turut membantu menyediakan bekalan air bersih, ternyata kedatangan pelarian bot Vietnam yang berterusan menyebabkan kemudahan yang disediakan sering kali tidak mencukupi. Hal ini ternyata memberi kesukaran kepada kerajaan Malaysia, tetapi usaha ini terus dilakukan bagi membantu operasi kem pelarian di Pulau Bidong berjalan lancar selain memastikan pelarian mendapat sumber bekalan air bersih yang tidak terdapat di Pulau Bidong. Meskipun terdapat perigi yang digali oleh pentadbir kem pelarian di pulau tersebut, namun ianya tidak mampu menampung keperluan pelarian bot Vietnam. Tidak terhad dengan bantuan yang diberikan kepada pelarian yang menetap di Pulau Bidong, kerajaan Malaysia perlu meneruskan bantuan kepada kem-kem pelarian yang lain bagi memastikan

kehidupan pelarian di Malaysia bertambah baik walaupun ianya ternyata membebankan.

Keselamatan Negara

Thailand turut berhadapan dengan ancaman keselamatan negara apabila wujudnya pelarian Indochina yang secara rahsia memasuki Thailand selain bertindak sebagai pengintip di dalam kem pelarian (The Nation Review 3 Januari 1979). Pada 25 Ogos 1979, jurucakap tentera Thailand mendedahkan terdapat kira-kira 40 orang pelarian Vietnam yang disyaki menjadi pengintip kerajaan Vietnam, telah menyusup masuk ke Thailand dan menyamar sebagai pelarian bot sejak bulan Januari 1979 (The Nation Review 25 August 1979). Jurucakap itu mengesahkan individu yang disyaki menjadi pengintip itu, ditahan dan disoal siasat di kem pelarian Sikhiu di Wilayah Nakhon Ratchasima, Thailand. Kewujudan pengintip dari kerajaan Vietnam di kem pelarian sayugianya mampu mengancam aspek keselamatan negara Thailand, apatahlagi kerajaan Vietnam pada ketika itu mendukung ideologi Komunisme yang sememangnya bertentangan dengan negara Thailand yang menolak keras ideologi itu.

Selain membawa ancaman keselamatan kepada Thailand, kehadiran pelarian Vietnam juga turut menggugat keselamatan Malaysia. Seperti yang dinyatakan mengenai dukungan kerajaan Vietnam ke atas ideologi Komunisme, perkara ini turut menggusarkan kerajaan Malaysia yang menolak ideologi tersebut. Perkara ini mendapat perhatian daripada Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Datuk Seri Hussein Onn yang memberi amaran kepada kerajaan Vietnam bahawa beliau akan memutuskan hubungan diplomatik dengan Vietnam jika Vietnam didapati sengaja membahayakan keselamatan Malaysia dengan menyusup masuk kegiatan fahaman komunis dalam kalangan pelarian Vietnam (Rajendran 1985, 120). Malaysia yang ketika itu masih berdepan dengan pemberontakan komunis yang kedua (1968-1989) oleh Parti Komunis Malaya (PKM), merasa bimbang dengan penyusupan kegiatan subversif yang mampu meningkatkan lagi ancaman keselamatan negara.

Tidak terhad dengan ancaman ideologi Komunisme yang berpotensi menular kepada rakyat Malaysia, kehadiran pelarian bot Vietnam ke Malaysia juga berkait rapat dengan sindiket penyeludupan antarabangsa. Pelarian dibawa oleh sindiket antarabangsa menggunakan kapal-kapal yang dikenali sebagai Hai Hong, sejenis kapal pengangkutan bersaiz kecil. Perkaitan kapal tersebut dengan sindiket penyeludupan, membimbangkan Malaysia yang bukan sahaja enggan menerima kedatangan pelarian Vietnam malah enggan terbabit dengan sindiket seumpama itu. Hal ini kerana kehadiran kapal-kapal seumpama itu di perairan Malaysia mampu mengganggu ketenteraman dan keselamatan nelayan-nelayan di Pantai Timur Malaysia. Terdapat pula laporan mengenai pelarian Vietnam yang menaiki kapal tersebut setelah berjaya menawarkan bayaran yang besar kepada sindiket tersebut dan pihak berkuasa Vietnam (The Nation Review 3 Januari 1979). Menteri Luar Malaysia Tengku Ahmad Rithauddeen menjelaskan bahawa apabila Hai Hong membawa penumpang seramai 2,500 orang pelarian Vietnam memasuki laut Malaysia pada awal November 1978, pihak berkuasa Malaysia enggan membenarkan kapal tersebut untuk berlabuh di Malaysia (Rajendran 1985, 120). Kerajaan Malaysia yang pada awalnya mengeluarkan ugutan untuk memaksa kapal-kapal tersebut meninggalkan perairan Malaysia, tetapi kemudiannya akur untuk membenarkan kapal Hai Hong berada di perairan berikutan rayuan negara-negara Barat yang berjanji untuk memberikan penempatan semula kepada penumpang dari kapal Hai Hong ini. Kira-kira seramai 1,550 orang daripada mereka telah dihantar ke Kanada, Jerman Barat, Perancis, dan Switzerland, manakala selebihnya dipindahkan ke Amerika Syarikat.

Aspek keselamatan Malaysia turut terancam berikutan berlakunya peningkatan jumlah pelarian yang ramai. Pelarian bot Vietnam didakwa menggunakan barang emas dan permata berharga yang dimiliki mereka bagi merasuh pihak berkuasa Malaysia dan penduduk tempatan. Hal ini dilakukan dengan tujuan membolehkan mereka memasuki Malaysia secara mudah. Sebagai langkah bagi membasmi jenayah rasuah dalam kalangan pihak penguasa

Malaysia yang berhadapan dengan pelarian ini, kerajaan Malaysia telah mengeluarkan arahan kepada pelarian untuk menyerahkan semua harta benda berharga milik mereka kepada pihak berkuasa Malaysia bagi tujuan penyimpanan. Menurut pasukan petugas khas kerajaan Malaysia yang bertanggungjawab ke atas pelarian bot Vietnam, pihak berkuasa negeri Pantai Timur yang menempatkan pelarian Vietnam diarahkan untuk mengumpulkan emas dan permata yang dimiliki oleh mereka dan memindahkannya ke Bank Negara Malaysia sebagai deposit bank (The Nation Review 7 Mac 1979). Jurucakap pasukan petugas itu turut menegaskan bahawa arahan tersebut bukan bertujuan untuk mendapatkan emas dan barang berharga milik pelarian, sebaliknya bertujuan untuk melindungi mereka daripada sebarang kecurian yang berpotensi menimbulkan pergaduhan di kem-kem pelarian. Apabila pelarian disahkan mendapat penempatan semula di negara ketiga, barang berharga yang diletakkan sebagai deposit bank dan dibuat di bawah inventori masing-masing, akan dikembalikan semula kepada mereka (The Nation Review 7 Mac 1979).

Rungutan Rakyat

Pada 14 Mei 1979, telah berlaku suatu protes dalam kalangan rakyat Thailand di Kedutaan Republik Sosialis Vietnam (SRV) di Bangkok. Hal ini terjadi akibat peningkatan sentimen negatif terhadap Hanoi yang dianggap sebagai punca utama berlakunya krisis pelarian Indochina secara besar-besaran. Protes tersebut mengkritik hebat kegagalan negara ketiga yang berpendapatan tinggi yang didakwa tidak memberikan sumbangan menyeluruh kepada Thailand dalam menghadapi krisis pelarian ini yang menyebabkan Thailand terpaksa menanggung beban yang begitu besar (State 125438 17 Mei 1979). Selain daripada isu keselamatan dan politik negara terganggu, cabaran turut dihadapi dalam sektor sosioekonomi negara Thailand. Kedatangan pelarian Indochina secara beramai-ramai ini telah memberi impak yang besar kepada majoriti penduduk kampung Thailand yang tinggal berdekatan dengan sempadan Thailand-Kemboja. Penduduk tempatan Thailand berasa tidak berpuas hati dengan kehadiran pelarian Indochina apabila mereka dilihat mendapat layanan yang istimewa bukan sahaja daripada kerajaan Thailand malah agensi dan organisasi antarabangsa yang terlibat. Hal ini dapat dilihat apabila pejuang Khmer Rouge diberi layanan utama dalam menerima beras yang disumbangkan oleh organisasi bantuan antarabangsa di kem pelarian di Thailand. Organisasi antarabangsa dilaporkan telah menghantar lebih 2,000 tan makanan setiap bulan ke perkampungan Khmer Rouge yang terletak berhampiran sempadan Thailand (Rrie 1994, 98).

Hal yang sama turut dirasai oleh rakyat Malaysia khususnya penduduk di negeri Terengganu. Kehadiran pelarian Vietnam di Pulau Bidong telah mengganggu sektor sosioekonomi penduduk di Terengganu. Akibat daripada kemasukan pelarian orang bot Vietnam di Pulau Bidong, wakil kerajaan negeri Terengganu menyatakan terdapat salah tanggapan dalam kalangan penduduk tempatan mengenai hal itu yang membuatkan mereka menyalahkan kerajaan negeri kerana enggan menolak kehadiran bot pelarian (Far Eastern Economic Review 16 Januari 1979, 15). Beliau menjelaskan bahawa kekeliruan orang ramai berpunca daripada sentimen anti-kerajaan yang ingin mengeksplorasi krisis pelarian ini menjadi isu yang lebih besar, walaupun sebuah pasukan petugas khas telah diwujudkan bagi menangani isu tersebut (Far Eastern Economic Review 16 Januari 1979, 15). Menurut Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Amar Diraja Haji Wan Mokhtar Ahmad, selama tiga tahun keberadaan pelarian bot Vietnam di Terengganu, sumber tenaga kerja penduduk tempatan telah banyak terganggu sehingga menyebabkan banyak projek kerajaan negeri Terengganu terhenti. Oleh yang demikian, beliau menyatakan bahawa kerajaan negeri akan melancarkan program pembangunan di sepanjang pantai bagi membantu memberi penduduk di Terengganu beberapa faedah daripada pertumbuhan ekonomi Malaysia. (Far Eastern Economic Review 16 Januari 1979, 15).

Pendekatan Thailand dalam Menghadapi Krisis

'Pencegahan Manusia'

Di bawah teraju Kriangsak Chomnan sebagai Perdana Menteri Thailand, strategi ‘pencegahan kemanusiaan’ telah dilaksanakan pada tahun 1980 di mana Thailand telah menutup sempadan bagi ketibaan baru pelarian dan menghentikan penempatan baharu bagi pelarian Indochina ini. Dasar ini menyebabkan ketibaan pelarian Indochina yang terbaharu ditahan di pusat tahanan dan dikehendaki mendaftar dengan pihak berkuasa Thailand. Peraturan ini membenarkan mereka untuk kekal secara eksklusif dalam lingkungan kem sebagai usaha menghalang mereka daripada ditangkap sebagai pendatang tanpa izin (Supang dan Rabe 1990, 69). Pelarian yang berjaya memasuki Thailand ditempatkan di pusat tahanan tertutup yang terletak di sempadan Thailand-Kemboja, di mana mereka terdedah kepada potensi diserang tentera dari Vietnam (Supang dan Rabe 1990, 69). Thailand turut mengumumkan bahawa ia akan berhenti menerima ‘pelarian bot’ tambahan kerana isu lebihan penduduk di kem pelarian. Walau bagaimanapun, pendekatan ‘pencegahan kemanusiaan’ tidak dilaksanakan sepenuhnya ke atas pelarian bot Vietnam. Walaupun pelarian bot yang baharu tiba dilarang untuk mendarat, mereka yang berjaya mengelak dari pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa Thailand dan memasuki Thailand melalui darat, dibenarkan untuk berada di Thailand (Supang dan Rabe 1990, 71). Pihak berkuasa Thailand menyatakan bahawa kerajaan Thailand membenarkan pelarian yang tiba dengan bot untuk pergi sekiranya negara ketiga bersetuju untuk menerima kehadiran mereka. Jika tidak, pelarian tersebut akan dihantar semula ke laut sebaik sahaja bot mereka telah diisi minyak dan mendapat bekalan secukupnya (New Straits Times 31 Julai 1979).

Pelarian Indochina yang telah berada di kem pelarian dilarang untuk meninggalkan kem, melainkan mereka menjadi ‘pahlawan pelarian’ bagi membantu Khmer Rouge melawan tentera Vietnam (Rhie 1994, 31). Pelarian Lao Hmong yang berada di kem pelarian di Thailand dan masih berhasrat untuk menggulingkan kerajaan Komunis Laos di Vientiane juga menjadi sebahagian daripada kumpulan yang dikenali sebagai ‘pahlawan pelarian’ ini. Kerajaan Thailand memberikan status pelarian istimewa ini kepada pelarian Lao Hmong kerana mereka tidak berminat untuk menetap secara tetap di Thailand (Rhie 1994, 40). Namun begitu, keadaan mereka yang semakin lama mampu berasimilasi dengan penduduk tempatan Thailand telah menyebabkan sebahagian daripada mereka tidak berminat untuk kembali ke negara asal dan sebaliknya kekal menetap di Thailand. Menyedari kemasukan pelarian secara berterusan, Thailand berusaha untuk mewujudkan sistem penyaringan yang lebih ketat untuk membezakan antara pelarian politik dan mereka yang hanya melarikan diri disebabkan faktor ekonomi di negara masing-masing. Bermula pada bulan Julai 1985, kaedah penyaringan diperkenalkan kepada pelarian Laos di mana mereka akan disaring di stesen di sempadan oleh pegawai tempatan Thai di bawah pemerhatian wakil-wakil UNHCR (Helton 1989, 31). Pelarian yang berpindah ke Thailand dengan bermotifkan kesengsaraan ekonomi yang dialami di negara asal akan dianggap sebagai pendatang tanpa izin dan Thailand bertindak menghantar mereka pulang ke negara asal. Walaupun kerajaan Thailand pada mulanya tidak menggalakkan kedatangan pelarian Indochina, namun kerajaan ini komited untuk menjadi negara suaka bagi pelarian Indochina. Thailand menawarkan suaka sementara kepada pelarian Indochina dengan syarat masyarakat antarabangsa menyediakan penempatan semula dan bertindak menerima pelarian ini secara sukarela (Supang dan Rabe 1990, 70).

Dasar Penolakan

Pada bulan Julai 1987, kerajaan Thailand telah memulakan pendekatan menghalang atau menolak dari menerima pelarian bot Vietnam dan pelarian Laos. Peraturan itu dilaksanakan sebagai tindak balas kepada aduan yang diterima oleh Kerajaan Thailand berhubung aktiviti

penyeludupan yang melibatkan pelarian bot Vietnam. Pada 16 Januari 1988, tentera laut dan polis marin Thai telah dihantar ke pantai timur untuk menangkap pelarian Vietnam (Supang dan Rabe 1990, 70). Pada 28 Januari 1988, Timbalan Setiausaha Tetap Somphorn dari Kementerian Dalam Negeri, mengetuai operasi menghalang sekumpulan pelarian di pelabuhan Khlong Yai, dengan dibantu oleh nelayan tempatan Thai. Mana-mana bot yang ditangkap membantu membawa pendatang tanpa izin ini akan disita dan pemiliknya boleh dikenakan penalti sebanyak \$4,000 dan maksimum sepuluh tahun penjara (Helton 1989, 28). Pihak berkuasa Thailand percaya bahawa kira-kira seribu pelarian telah dipaksa untuk kembali ke laut setelah dasar baru ini dilaksanakan (Helton 1989, 28). Bagi pelarian Laos pula, cubaan mereka untuk memasuki kem pelarian secara bersembunyi telah berdepan dengan pengusiran dari pihak berkuasa Thailand yang mengakibatkan kira-kira seramai 10,000 hingga 20,000 orang Laos Hmong terkandas di sempadan (Helton 1989, 32).

Penghantaran Pulang, Skim Naturalisasi, dan Penempatan Semula

Memandangkan kerajaan Thailand bimbang tentang kemasukan pelarian Indochina ke negaranya dan kekurangan kerjasama daripada negara ketiga, kerajaan Thai melaksanakan usaha penghantaran pulang dan skim naturalisasi. Pelarian Indochina sama ada secara sukarela atau tidak, telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing melalui proses penghantaran pulang yang dibantu oleh UNHCR. Thailand memulakan usaha penghantaran pulang pada Jun 1980, menyebabkan kira-kira 9,000 rakyat Kemboja pulang ke negara asal mereka (Amara dan Noppawan 1985, 20). Bermula dari Oktober 1980, kerajaan Thailand dengan kerjasama UNHCR, memindahkan pelarian Indochina secara sistematik dari pusat tahanan di Thailand (CIA Jun 1983, 9) UNHCR dan kerajaan Heng Samrin di Phnom Penh, Kemboja turut terlibat dalam satu rundingan yang mencapai kepada persetujuan untuk menghantar pulang kira-kira 234,000 rakyat Kemboja dari Thailand (Rrie 1994, 71). Skim naturalisasi juga dicadangkan sebagai salah satu cara untuk menangani masalah pelarian. Pelarian Indochina yang dilahirkan atau menetap di Thailand sebelum 1975 dibenarkan untuk memohon skim naturalisasi ini (Amara dan Noppawan 1985, 21). Namun begitu, tidak semua pelarian-pelarian ini berjaya mendapatkan status warganegara Thailand. Selain proses permohonan kewarganegaraan yang mengambil masa agak panjang, ketiadaan dokumen peribadi yang mencukupi, dan sikap prejudis pihak berkuasa Thailand telah menyebabkan proses permohonan mereka menjadi sukar walaupun mereka telah berasimilasi dengan budaya kehidupan rakyat Thailand.

Kebanyakan usaha pemindahan tertumpu kepada pemindahan rakyat Kemboja dari kemudahan sementara ke kem yang terletak berhampiran sempadan. Pemindahan ini merangkumi pemindahan secara sukarela dan penempatan semula individu yang telah memasuki Thailand secara tidak sah atau tidak mematuhi sebarang peraturan kerajaan Thailand. Program pemindahan itu telah beroperasi pada tahun 1981 dan 1982, tetapi mengalami penurunan pada tahun 1983 dan 1984. Sebagai contoh, pendekatan pemindahan ini adalah apabila Kem Khao I Dang di Thailand telah ditutup pada penghujung Disember 1986, kerajaan Thailand memindahkan pelarian di kem sempadan pada bulan Mac 1987 (Amara dan Noppawan 1985, 20). Organisasi-organisasi di bawah PBB seperti UNTAC dan UNHCR bertanggungjawab untuk penghantaran pulang dan penempatan pelarian (Rrie 1994: 83). Pada 20 April 1988, Thailand dan UNHCR menandatangani memorandum persefahaman untuk memudahkan penyediaan tempat perlindungan bagi pelarian bot yang dibenarkan berlabuh di Thailand. Dalam memorandum itu, UNHCR bersetuju untuk meneruskan penyelesaian jangka panjang termasuk memperluaskan penghijrahan berlepas yang teratur dari Vietnam dan penghantaran balik secara sukarela bagi mereka yang tidak dianggap sebagai ‘pelarian bona fide’ (Helton 1989, 30) *Comprehensive Plan of Action* (CPA) yang diperolehi daripada Persidangan Geneva Kedua mengenai pelarian Indochina pada Jun 1989, menyumbang kepada penyediaan penyelesaian untuk pelarian yang masih berada di Thailand dengan menjalankan

pemeriksaan kesihatan, penghantaran pulang secara sukarela, dan melaksanakan penempatan semula (Rhie 1994, 48).

Pendekatan Malaysia dalam Menghadapi Krisis

Menghalang Kemasukan Pelarian Indochina

Sebagai tindak balas kepada kemasukan pelarian Vietnam yang semakin meningkat, Mahathir Mohamad yang pada ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri Malaysia, mengisyiharkan pada Jun 1979 bahawa kerajaan Malaysia akan mengambil tindakan dengan mengumumkan untuk menembak (*shoot*) mana-mana pelarian yang cuba mendarat di Malaysia. Berikutan itu, kemasukan pelarian Vietnam mengalami penurunan yang ketara, daripada berjumlah 3,928 orang pada Julai 1979 kepada 1,333 pelarian sahaja pada bulan Ogos 1979 (Aszlan 2022, 169). Mahathir, bagaimanapun menafikan dakwaan untuk menembak (*shoot*) mana-mana pelarian sebaliknya beliau menegaskan untuk ‘menolak’ (*shoo*) pelarian bot Vietnam (Wong 2003: 153). Malaysia menerima kecaman hebat berikutan kenyataan tersebut. Namun menjelang bulan September hingga November 1979, terdapat kadar kenaikan bilangan pelarian Vietnam yang tiba ke Malaysia (Aszlan 2022, 169). Hal ini adalah kerana sebagai tindak balas kepada permintaan daripada Amerika, Malaysia bersetuju untuk terus menerima pelarian Vietnam yang telah tiba di Malaysia sementara menunggu usaha antarabangsa untuk menempatkan semula semua pelarian Vietnam yang tinggal di negara itu (Aszlan 2022, 169).

Malaysia turut menubuhkan pasukan khas bagi menghadapi kedatangan pelarian bot Vietnam. Pasukan petugas khas ini terdiri daripada dua buah batalion tentera wilayah di bawah pimpinan seorang jeneral tentera, yang ditugaskan untuk menghalang ketibaan bot pelarian ke Malaysia. Malaysia bagaimanapun tetap menerima kedatangan pelarian bot yang berada dalam kesusahan dan menerima pelarian bot yang tidak berupaya untuk meneruskan perjalanan jauh mereka ke negara lain (Far Eastern Economic Review 16 Januari 1979, 15). Pada tahun 1989, kerajaan Malaysia telah menolak kedatangan seramai 1,500 orang pelarian bot Vietnam secara paksa. Tindakan kerajaan Malaysia ini dikatakan telah melanggar perjanjian antara negara yang menjadi tuan rumah kem pelarian dengan negara ketiga semasa Persidangan Indochina Kedua. Namun begitu, Kementerian Luar Malaysia menyangkal tuduhan bahawa Malaysia telah melanggar perjanjian tersebut. Kementerian Luar Malaysia menegaskan bahawa Malaysia pastinya mematuhi syarat perjanjian itu kerana bagi kerajaan Malaysia, tindakan tersebut merupakan langkah untuk memisahkan dan mengasingkan pelarian politik dengan pelarian ekonomi daripada Vietnam (Aszlan 2022, 177).

Diplomasi

Malaysia berjaya meyakinkan negara ketiga untuk lebih berlembut dalam menerima pelarian Vietnam tanpa mengira latar belakang pendidikan, pekerjaan, tahap kesihatan dan umur mereka. Menurut Mahathir Mohamad, kebanjiran rakyat Vietnam di Malaysia menimbulkan kebimbangan kepada kerajaan Malaysia tentang keupayaan mereka untuk menampung kehidupan pelarian. Justeru itu, rundingan telah dimulakan dengan Amerika dan Australia untuk menubuhkan penempatan sementara di Malaysia bagi pelarian Vietnam sementara mereka menunggu pemindahan ke Amerika dan Australia (Aszlan 2022: 166). Ghazali Shafie menegaskan bahawa beliau memilih Amerika sebagai pemimpin dalam kalangan negara Barat dalam menawarkan penempatan kepada kesemua pelarian Vietnam kerana krisis pelarian Indochina pada dasarnya adalah berpunca daripada Amerika Syarikat (The Nation Review, 17 Januari 1979). Malah, Ghazali turut menegaskan, negara-negara Barat dan Komunis yang seharusnya memikul tanggungjawab atas penghijrahan pelarian Vietnam secara besar-besaran (The Straits Times, 13 Julai 1979). Usaha itu membawa hasil apabila negara ketiga mula

menerima pelarian Vietnam yang tidak mempunyai pendidikan formal atau kemahiran seperti yang dahulunya disyaratkan oleh negara ketiga (Aszlan 2022, 166).

Kerajaan Malaysia juga telah meminta Republik Sosialis Vietnam untuk mencari jalan penyelesaian bagi menghentikan penghijrahan rakyatnya. Pada masa yang sama, terdapat keperluan bagi kerajaan Vietnam untuk meningkatkan kerjasama dengan UNHCR dan negara ketiga untuk melaksanakan Program Pemindahan Tetap dengan lebih teratur dan berkesan (Aszlan 2022, 168). Semasa lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdul Ghafar Baba ke Vietnam pada Ogos 1988, Ghazali Shafie mengambil kesempatan ini untuk berbincang dengan Timbalan Menteri Luar Vietnam, Phan Hien mengenai dilema yang dihadapi Malaysia mengenai pelarian Vietnam di Malaysia (Aszlan 2022, 166). Semasa lawatan itu, kerajaan Vietnam bersetuju dengan beberapa tindakan khusus. Ini termasuk kesediaan mereka untuk menerima pelarian Vietnam dari Pulau Bidong yang memilih untuk kembali ke Vietnam secara sukarela, mempercepatkan proses pemindahan pelarian Vietnam ke negara ketiga, dan bersetuju untuk mengambil bahagian dalam Persidangan Antarabangsa Kedua mengenai pelarian Indochina (Aszlan 2022, 170). Krisis pelarian Vietnam telah dibincangkan dengan lebih lanjut semasa lawatan Menteri Luar Vietnam, Nguyen Co Thach, ke Kuala Lumpur pada Februari 1989 yang membawa kepada kerjasama antara kedua-dua kerajaan secara meluas bagi menyelesaikan krisis tersebut dan persetujuan Vietnam untuk menyertai Persidangan Antarabangsa Kedua mengenai Pelarian Indochina (Aszlan 2022, 172).

Malaysia turut menggunakan pendekatan diplomatik dalam menguruskan pelarian orang Islam Cham Kemboja. Kerjasama diplomatik berlaku antara Thailand dan Malaysia mengenai pelarian orang Islam Cham yang tinggal di kem pelarian di Thailand. Melalui persetujuan Thailand, pelarian orang Islam Cham telah dibawa ke sebuah pelabuhan di wilayah timur Chonburi, Thailand, sebelum dipindahkan ke Malaysia melalui kapal (Nakamura 2019, 295). Rombongan awal pelarian orang Islam Cham ini tiba di Pengkalan Kubor, Kelantan yang kemudiannya telah disambut meriah oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Mohamad Nasir dengan diiringi tiga pegawai Jabatan Penerangan Kelantan. Pelarian Cham tersebut telah ditempatkan di sebuah kem yang ditubuhkan di Pengkalan Chepa (Nakamura 2019, 295). Mengimbau kembali lawatannya ke kem pelarian yang menempatkan pelarian berbangsa Cham Kemboja di Thailand bersama dengan pegawai UNHCR, Ahmad Nordin menjelaskan misinya adalah untuk memastikan semua pelarian Cham yang ingin datang ke Malaysia tidak dipaksa pergi ke tempat lain, namun bagi pelarian Cham yang dilihat sangsi akan pegangan agamanya, mereka tidak dihantar ke Malaysia (Nakamura 2019, 295).

Penutupan Kem Pelarian

Kerajaan Malaysia turut membuat keputusan untuk menutup sementara Kem Pulau Bidong bagi pelarian Vietnam. Kerajaan Malaysia mengarahkan UNHCR untuk menjadikan pulau itu sebagai tempat perlindungan nelayan tempatan dan sebagai pusat pemuliharan penagih dadah. Penutupan ini dikatakan berpunca daripada aduan kerajaan negeri Terengganu terhadap kerajaan Malaysia yang telah menyekat aktiviti perikanan di Pulau Bidong selepas ditetapkan sebagai zon keselamatan pada 1976 (Aszlan 2022, 170). Walaupun Malaysia enggan menerima pelarian baharu Vietnam dan menempatkan mereka di Kelulut yang terletak berdekatan dengan Kuala Terengganu (Aszlan 2022, 170). Di sebalik pengumuman Malaysia untuk mengusir pelarian Vietnam, namun tidak terdapat pelarian Vietnam yang dihantar pulang secara paksa malah bilangan pelarian baharu terus meningkat menjelang bulan Mac 1989. Malah, seminggu selepas tarikh penutupan Pulau Bidong diumumkan, jumlah pelarian Vietnam yang ditempatkan di Kelulut meningkat kepada 1,047 orang, manakala penduduk di Pulau Bidong meningkat melebihi 12,000 individu, manakala seramai 4,000 orang pelarian berada di kem pelarian Sungai Besi (Aszlan 2022, 175). Kerjasama tiga pihak di antara Malaysia, Vietnam dan UNHCR untuk menangani isu pelarian ini akhirnya membawa kepada kadar pengurangan

yang tinggi pada jumlah pelarian Vietnam di Malaysia. Kem Pulau Bidong telah ditutup pada tahun 1990 manakala Kem Sungai Besi telah ditutup pada tahun 1996 (Steenhuisen, 30 Ogos 2005).

Penghantaran Pulang

Menerusi satu mesyuarat dengan pihak UNHCR pada 17 Julai 1989, wakil kerajaan Malaysia mengesahkan pematuhan mereka terhadap perjanjian seperti yang dipersetujui di dalam CPA yang melibatkan penawaran perlindungan sementara dan memberi perlindungan kepada pelarian Vietnam (Aszlan 2022, 178). Dalam usaha menangani isu pelarian Vietnam, Malaysia telah bekerjasama dengan kerajaan Vietnam untuk memudahkan penghantaran pulang pelarian Vietnam secara sukarela. Walaupun Malaysia dan Vietnam telah mencapai kata sepakat mengenai penghantaran pulang pelarian Vietnam, sebilangan besar daripada mereka enggan pulang akibat daripada trauma yang dialami dan cabaran yang mereka hadapi dalam percubaan mereka untuk melarikan diri dari Vietnam (Aszlan 2022, 179). Di sebalik cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mendepani krisis pelarian Indochina ini, Malaysia kekal komited dalam usaha menghantar pulang kesemua pelarian Vietnam ke negara asal mereka pada setiap tahun sehingga penghantaran pelarian Vietnam yang terakhir berakhir pada tahun 2005.

Penempatan kekal

Di sebalik pendekatan yang ketat dan tegas terhadap pelarian bot Vietnam, pelarian orang Islam Cham Kemboja berhadapan layanan yang ternyata berbeza. Pendekatan ini dapat dilihat apabila kerajaan Malaysia dilihat melaksanakan dasar terbuka dalam menerima pelarian Islam Cham Kemboja. Kerajaan Malaysia memberikan layanan yang baik kepada pelarian Cham ini yang mencari suaka di Malaysia. Ini kerana sebilangan besar pelarian ini mempunyai hubungan dengan rakyat di Malaysia, khususnya di negeri Kelantan dan Terengganu (Wong 2003, 155). Layanan baik ini dapat dilihat menerusi usaha yang dilakukan oleh Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) yang menyatakan kebimbangan mereka yang mendalam terhadap kesejahteraan pelarian Cham. Sekretariat Pertubuhan Majlis Islam (OIC), Tunku Abdul Rahman misalnya meminta kerajaan Malaysia menerima pelarian Cham buat sementara waktu berikutkan kedudukan Malaysia yang berdekatan dengan negara Asia Tenggara dan memiliki penduduk Islam yang ramai (Wong 2003, 156).

Kerajaan Malaysia bertindak memberikan penempatan kepada pelarian Cham atas dua sebab utama, iaitu faktor kemanusiaan dan persaudaraan Islam (Wong 2003, 156). Kehadiran pelarian Cham di Malaysia berlaku semasa kerajaan Malaysia mencari jalan untuk meningkatkan populasi kaum Melayu dan status ekonomi kaum tersebut (Nakamura 2019, 298). Keputusan kerajaan Malaysia untuk menempatkan pelarian orang Islam Cham di Malaysia dan memberikan mereka status warganegara Malaysia adalah langkah strategik yang bertujuan untuk mengukuhkan populasi kaum Melayu (Nakamura 2019, 290). Satu lagi rasional di sebalik keputusan kerajaan Malaysia untuk mengalu-alukan pelarian Cham adalah potensi mereka untuk berasimilasi ke dalam kaum Melayu bagi membentuk pangkalan pengundi yang berpotensi menyokong kerajaan majoriti Melayu (Nakamura 2019, 299). Bagi Menteri Luar Negara Malaysia, Tengku Ahmad Rithauddeen, beliau menyifatkan kaum ini sebagai kaum yang lemah lembut selain dilihat budaya mereka yang agak sama dengan kaum Melayu berbanding dengan kaum Indochina yang lain, malah beliau menyifatkan terdapat pertalian istimewa antara Malaysia dan Kemboja (Nadarajah 2000, 76).

Pada tahun 1975, pelarian orang Islam Cham telah ditempatkan di sebuah kem pelarian di Pengkalan Chepa, Kelantan. Kem ini terletak di perkarangan rumah warga emas yang dikenali sebagai Taman Kemumin, yang kemudian secara rasminya dinamakan Rumah Seri Kenangan, Taman Kemumin (Nakamura 2019, 295). Menjelang akhir tahun 1975, Malaysia telah menerima 1,279 pelarian orang Islam Cham. Pengambilan pelarian orang Islam Cham

berterusan sehingga akhir 1980-an yang mencecah kepada jumlah 9,704 pelarian orang Islam Cham di Malaysia (Jadual 2: Bilangan Pelarian dan Orang yang Berpindah ke Malaysia di bawah Mandat UNHCR, 1977-1990). Kedatangan pelarian orang Islam Cham ke Malaysia berakhir pada tahun 1988 yang menyaksikan berlakunya peningkatan masyarakat Islam Cham Kemboja yang menetap di Malaysia seramai 16,280 orang pelarian (Jadual 2: Bilangan Pelarian dan Orang yang Berpindah ke Malaysia di bawah Mandat UNHCR, 1977-1990). Masyarakat ini telah menetap di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia seperti Kampung Bunga Raya Mas di Kelantan, Che Lijah dan Taman Sena Rendang di Terengganu, Kubu Gajah di Selangor, Pulau Keladi di Pekan, Pahang, dan juga Tanjung Minyak di Melaka (Nakamura 2019, 291). Malah, terdapat juga pelarian orang Islam Cham ini yang menetap di Kajang, Selangor.

Kerjasama Serantau

Berikutan berlakunya krisis pelarian Indochina, *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) mengadakan beberapa mesyuarat dalam kalangan Menteri Luar ASEAN untuk mencari penyelesaian bagi krisis tersebut. Menerusi kerjasama negara ASEAN, organisasi serantau ini memutuskan untuk terlibat dalam perbincangan dengan kerajaan Vietnam di Hanoi, bagi merangka strategi untuk menghalang rakyat Vietnam daripada terus berhijrah. Pada tahun 1987, Menteri-Menteri Luar ASEAN memberi amaran keras kepada kerajaan Vietnam supaya memastikan rakyatnya yang mempunyai niat untuk berhijrah, dihantar terus ke negara ketiga tanpa membiarkan mereka mencari perlindungan di negara ASEAN terlebih dahulu. Tindakan Menteri Luar ASEAN ini adalah disebabkan tiadanya komitmen jitu daripada negara ketiga (Aszlan 2022, 170).

Menurut Hussein Onn, negara-negara ASEAN telah memberikan perlindungan sementara dan bantuan kepada pelarian berdasarkan faktor kemanusiaan. Memandangkan cabaran yang wujud dengan kehadiran pelarian ini secara besar-besaran, Hussein menekankan perpentingnya kelima-lima negara ASEAN menjadi berkecuali daripada mengambil sebarang tindakan yang boleh memburukkan lagi keadaan krisis ini atau menjelaskan kesejahteraan pelarian ini (The Straits Times, 8 Mac 1980). Sekatan ketat yang dilaksanakan oleh Thailand bersama-sama dengan pendirian tegas Malaysia dalam menghadapi krisis ini, secara amnya telah meningkatkan kesedaran global mengenai krisis pelarian Indochina. Tindakan yang bersepada mampu memainkan peranan penting dalam memaksa masyarakat antarabangsa mengambil tindakan pantas, yang pada akhirnya mampu meringankan negara ASEAN yang menanggung beban melindungi pelarian (Rajendran 1985, 115). Walaupun Malaysia menunjukkan kesanggupannya untuk menempatkan sementara pelarian atas dasar kemanusiaan, ia menekankan keperluan mencari penyelesaian jangka panjang kepada krisis ini (The Nation Review, 17 Januari 1979b).

Semasa Persidangan Geneva pada Disember 1978, Malaysia mencadangkan melalui platform ASEAN untuk mewujudkan kemudahan menguruskan pelarian berpusat di pulau di Asia Tenggara. Kemudahan ini akan dihadkan daripada akses awam untuk mengelakkan sebarang cabaran politik bagi kerajaan negara tuan rumah (The Nation Review, 17 Januari 1979). Ghazali Shafie menegaskan bahawa lokasi pusat pengurusan pelarian ini hendaklah fleksibel selagi Amerika Syarikat dan negara-negara penempatan semula yang bekerjasama dengan UNHCR memberi jaminan kukuh bahawa tiada pelarian akan diwajibkan tinggal di pusat pengurusan tersebut selama lebih daripada tiga tahun sebelum mereka diberikan penempatan secara tetap (The Nation Review, 17 Januari 1979). Lester Wolff, ketua pasukan delegasi AS, menyokong idea Malaysia untuk menubuhkan pusat pengurusan bagi pelarian Indochina di sebuah pulau khusus. Di samping itu, Wolff mencadangkan bahawa dengan adanya sokongan kewangan daripada Bank Pembangunan Asia dan organisasi lain, ianya

mampu mewujudkan penempatan sementara pelarian di pulau yang mampan dari segi ekonomi. Bagi mengelakkan kem pelarian di Asia Tenggara dari terus beroperasi, beliau mencadangkan pelarian boleh mengambil bahagian mengusahakan sektor ekonomi yang produktif di pulau tersebut sementara mereka menunggu penempatan semula di negara ketiga diberikan kepada mereka (The Nation Review, 12 Januari 1979). Pusat-pusat pelarian di pulau ini juga boleh berfungsi sebagai mekanisme keselamatan pada masa hadapan sekiranya berlaku peningkatan pesat dalam menghadapi ketibaan pelarian baharu (Suhrke 1981: 29).

Pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negera ASEAN ke-12 yang diadakan dari 28-30 Jun 1979 di Bali, Indonesia, Menteri-Menteri Luar Negera ASEAN menekankan kepentingan pusat pengurusan itu dalam melaksanakan program penempatan semula. Kerajaan Republik Indonesia menawarkan Pulau Galang⁵ manakala kerajaan Republik Filipina menawarkan Pulau Tara⁶ sebagai pusat pengurusan pelarian Indochina, mengikut prinsip dan syarat yang digariskan dalam kenyataan Menteri Luar yang dikeluarkan di Bangkok pada 21 Februari 1979. Menteri-Menteri Luar Negera ASEAN menzahirkan penghargaan di atas penganjuran Mesyuarat Penubuhan Pusat Pengurusan Pelarian Indochina di Jakarta pada 15-16 Mei 1979. Mesyuarat itu dihadiri oleh negara-negara ASEAN, negara-negara ketiga yang menjadi penyumbang dana bantuan kepada negara-negara pertama suaka, dan juga pihak UNHCR (Joint Communique of the 12th ASEAN Ministerial Meeting: 6). Keputusan mesyuarat tersebut menggesa agar penubuhan pusat pengurusan di pulau-pulau tersebut yang mendapat kerjasama UNHCR dipercepatkan. Perkara ini telah disambut dengan baik oleh bukan sahaja pihak-pihak yang berminat dengan kesejahteraan pelarian Indochina, malah bebanan yang seringkali disuarakan oleh negara suaka pertama.

Namun begitu, pusat pengurusan pelarian di pulau-pulau tersebut masih tidak berupaya menghalangi kedatangan pelarian Indochina. Pada tahun 1979, Program Pelepasan Secara Teratur (*Oderly Departure Programme*) telah ditandatangani oleh UNHCR dan pihak berkuasa Vietnam bagi membenarkan dan menggalakkan pelarian Vietnam untuk berhijrah secara sah ke negara ketiga antara tahun 1979 dan 1994. Program ini telah menyaksikan seramai 623,509 orang pelarian Vietnam telah berjaya diberikan penempatan di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Perancis, Jerman, United Kingdom, Norway, Belgium, Sweden, Denmark, dan negara-negara lain.

Ketika Persidangan Geneva pada bulan Jun 1989, sebanyak 70 buah kerajaan telah bersetuju untuk mengambil pendekatan baharu yang dikenali sebagai *Comprehensive Plan of Action* (CPA) yang diterajui oleh UNHCR. CPA menapis setiap kedatangan pelarian baharu di kem-kem pelarian di Asia Tenggara. Pelarian baharu yang ingin mendapat status pelarian akan ditapis oleh pegawai-pegawai negara suaka pertama yang dilatih dan diselia oleh pihak UNHCR. Pelarian yang gagal mendapat status pelarian akan dihantar semula ke Vietnam manakala pelarian yang berjaya ditapis akan dihantar bagi penempatan semula ke negara-negara ketiga. CPA memberikan tarikh putus kepada pelarian bot untuk mendarat di negara-negara suaka pertama seperti Malaysia, Thailand, Filipina, dan Indonesia. Sekiranya melebihi tempoh tarikh tersebut, pelarian tidak akan dianggap sebagai pelarian tetapi sebagai pencari suaka. Bagi pelarian yang mendarat sebelum tarikh putus, mereka akan dihantar bagi penempatan semula ke negara-negara ketiga. Antara destinasi penempatan semula bagi mereka adalah Amerika Syarikat, Perancis, Kanada, Australia, Republik Persekutuan Jerman, New Zealand, China, Switzerland, Belgium, Jepun, Argentina, United Kingdom, Itali, Belanda, Australia, Norway, Sepanyol, Denmark, dan Sweden. Proses penempatan semula, yang merangkumi lebih 2.5 juta pelarian Indochina, telah diselesaikan sehingga menjelang tahun 1997.

Kesimpulan

Krisis pelarian Indochina yang terjadi ketika Konflik Kemboja sememangnya memberikan cabaran besar buat negara-negara di Asia Tenggara terutamanya Thailand dan Malaysia. Hampir kesemua cabaran yang dihadapi adalah serupa iaitu dari sudut beban kewangan, keselamatan negara dan rungutan rakyat. Thailand telah menggunakan lima cara untuk mengurangkan beban ini seperti ‘pencegahan manusia’, dasar penolakan, penghantaran pulang, skim naturalisasi, dan penempatan semula. Malaysia pula menggunakan lima pendekatan iaitu melalui menghalang kemasukan pelarian, diplomasi, penutupan kem penempatan menghantar pulang dan membenarkan penempatan kekal. Setiap pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua negara bertepatan dengan dasar dan kepentingan negara masing-masing dalam menjaga kedaulatan dan keselamatan negara. Meskipun pendekatan yang diambil oleh kedua-dua negara ini kadangkala mendapat kecaman masyarakat antarabangsa, namun peningkatan jumlah pelarian yang berterusan menyebabkan pendekatan yang diketengahkan dilihat terlalu ekstrim. Hakikatnya, kegagalan membendung kemasukan pelarian secara mendadak akan menimbulkan ketegangan kepada penduduk tempatan di negara-negara suaka seperti di Malaysia dan Thailand. Berdasarkan perbincangan di dalam makalah ini, ternyata Malaysia dan Thailand mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam menghadapi krisis pelarian ini kerana dasar dan kepentingan kedua-dua negara adalah berbeza.

Walaupun pelbagai pendekatan telah diambil oleh Malaysia dan Thailand terhadap krisis pelarian Indochina ini, namun kedatangan pelarian Indochina seakan tidak menemui titik noktah. Di sebalik semua pendekatan yang digunakan, kerjasama serantau melalui platform ASEAN menjadi penyumbang terbesar dalam membantu mengurangkan krisis pelarian ini daripada berterusan berlaku. Hal ini kerana melalui mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negara ASEAN dan kesepakatan dalam mencari penyelesaian melalui rundingan dengan negara-negara ketiga dan organisasi antarabangsa seperti UNHCR, ASEAN menjadi wadah penting yang berhasil membantu mencari titik penyelesaian krisis ini dalam menggesa negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat memberikan penelitian serius terhadap krisis yang berpanjangan ini.

Nota

1. Masyarakat sosialis bercorak pertanian yang dibentuk oleh Khmer Rouge ini dilaksanakan dengan memaksa seluruh masyarakat bandar Kemboja berpindah ke kawasan desa dengan tujuan membangunkan sektor pertanian di Kemboja. Dengan matlamat untuk menghapuskan sistem kapitalis di Kemboja, hampir keseluruhan masyarakat Kemboja dipaksa menjadi buruh paksa bagi membolehkan sektor pertanian diusahakan secara menyeluruh.
2. Kampuchea Krom merupakan beberapa wilayah di bahagian bawah Kemboja yang telah menjadi sebahagian daripada Vietnam Selatan. Pada tahun 1802, Maharaja Vietnam, Gia Long telah berjaya menguasai bahagian bawah Kemboja ini dan menyatukan wilayah itu dengan bahagian utara Vietnam (Tonkin) yang akhirnya membentuk sebuah negara Vietnam. Semasa penjajahan Perancis (1887-1954), Kampuchea Krom yang dikenali sebagai Cochinchina, telah disatukan bersama-sama bahagian utara Vietnam (Tonkin) dan bahagian tengah Vietnam (Annam) untuk menjadi Kesatuan Indochina Perancis (selepas tahun 1941, ianya dikenali sebagai Persekutuan Indochina).
3. Persekutuan Indochina (*Indochinese Federation*) adalah gagasan idea oleh Presiden Perancis, Charles de Gaulle, untuk menyatukan Vietnam, Laos, dan Kemboja menjadi sebuah negara kolonial Perancis. Selepas Perancis dikalahkan oleh Jepun pada 9 Mac 1945, pemimpin komunis Vietnam yang berpengaruh, Ho Chi Minh mengulangi idea

tersebut. Menerusi kemenangan Komunis di dalam Revolusi Indochina, ‘Persekutuan Indochina’ ditekankan bagi menyatukan Vietnam, Laos, dan Kemboja menjadi sebuah negara yang diketuai oleh Komunis Vietnam sebagai peneraju utama.

4. Negara ketiga ialah istilah yang sering digunakan dalam konteks penghijrahan yang merujuk kepada negara destinasi untuk penempatan kekal bagi individu yang sedang menunggu permohonan penghijrahan mereka diluluskan.
5. *Refugee Processing Centre* (RPC) di Pulau Galang, Indonesia mula beroperasi sepenuhnya pada Disember 1980, yang mampu menempatkan sehingga 10,000 orang pelarian. RPC telah digunakan bagi menempatkan pelarian Indochina yang telah diluluskan untuk diberikan penempatan semula di negara ketiga tetapi masih menunggu giliran untuk dihantar ke sana. Pada Mac 1981, RPC Galang menempatkan seramai 6,313 orang pelarian.
6. Cadangan asal untuk penubuhan pusat pengurusan pelarian ini adalah di Pulau Tara di Palawan, Filipina. Walau bagaimanapun, lokasi ini dianggap tidak praktikal kerana berlakunya kes malaria yang tinggi dan cabaran yang wujud berkaitan pembinaan di kawasan itu. Pusat tersebut akhirnya dibina di Bataan, Filipina pada tahun 1980 yang dikenali sebagai *Philippine Refugee Processing Centre* (PRPC). Pusat ini berfungsi sebagai destinasi utama bagi pelarian Indochina yang masih menunggu untuk diberikan penempatan tetap di negara ketiga.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Prof. Datuk Dr. Danny Wong Tze Ken, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, dan Rancangan Latihan Kakitangan Akademik, Universiti Sains Malaysia.

Lampiran

Jadual 1: Bilangan Kedatangan Pelarian dan Orang yang Berpindah ke Thailand (1975-1986)

| Tahun | Kemboja | Laos | | Vietnam | Jumlah |
|---------------|---------|-----------------|----------------|---------|---------|
| | | Penduduk Lembah | Penduduk Bukit | | |
| 1975 | 17,038 | 10,195 | 44,659 | 4,446 | 76,338 |
| 1976 | 6,428 | 19,499 | 7,266 | 5,213 | 38,406 |
| 1977 | 7,045 | 18,070 | 3,873 | 5,328 | 34,316 |
| 1978 | 3,528 | 48,781 | 8,031 | 8,818 | 69,140 |
| 1979 | 137,894 | 22,045 | 23,943 | 16,119 | 200,001 |
| 1980 | 43,608 | 28,967 | 14,801 | 26,491 | 113,867 |
| 1981 | 16 | 16,377 | 4,356 | 22,511 | 43,260 |
| 1982 | 14 | 3,203 | 1,816 | 6,228 | 11,261 |
| 1983 | - | 4,571 | 2,920 | 5,323 | 12,487 |
| 1984 | 4,346 | 14,616 | 3,627 | 2,898 | 25,487 |
| 1985 | 7,989 | 13,344 | 943 | 5,231 | 27,507 |
| 1986 | 197 | 2,911 | 4,448 | 6,002 | 13,558 |
| Jumlah | 228,103 | 202,597 | 120,665 | 114,608 | 665,955 |

Sumber: UNHCR, April 1987 di dalam Amara Pongsapich dan Noppawan Chingwatana

(1988). "The Refugee Situation in Thailand". Supang Chantavanich dan E. Bruce Reynolds (Peny.). *Indochinese Refugees: Asylum and Resettlement*. Bangkok: Institute of Asian Studies, Chulalongkorn University, p. 13.

Jadual 2: Bilangan Pelarian dan Orang yang Berpindah ke Malaysia di bawah Mandat UNHCR (1977-1990)

| Tahun | Kemboja | Vietnam | Jumlah |
|---------------|---------------|----------------|----------------|
| 1977 | 1,580 | 3,880 | 5,460 |
| 1978 | - | 49,580 | 49,580 |
| 1979 | 580 | 34,300 | 34,880 |
| 1980 | 1,880 | 12,160 | 14,040 |
| 1981 | 3,400 | 9,850 | 13,250 |
| 1982 | 800 | 8,440 | 9,240 |
| 1983 | 620 | 10,080 | 10,700 |
| 1984 | 110 | 8,850 | 8,960 |
| 1985 | 6,850 | 8,460 | 15,310 |
| 1986 | - | 9,000 | 9,000 |
| 1987 | 300 | 9,120 | 9,420 |
| 1988 | 160 | 14,210 | 14,370 |
| 1989 | - | 20,475 | 20,475 |
| 1990 | - | 14,862 | 14,862 |
| Jumlah | 16,280 | 213,267 | 229,547 |

Sumber: Refugee Statistic, UNHCR. <https://www.unhcr.org/refugee-statistic>

Rujukan

- Amara Pongsapich dan Noppawan Chongwatana (1988). "The Refugee Situation in Thailand". Dalam *Indochinese Refugees: Asylum and Resettlement*. Disunting oleh Supang Chantayanich & E. Bruce Reynolds (Peny.). Bangkok: Institute of Asian Studies, Chulalongkorn University.
- Ann Y. Rhie. 1994. "The Dilemma of Refugees: Lessons from the Thai Experience". Disertasi Sarjana, California: Naval Postgraduate School.
- Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 1992/0004361, No. Rujukan: (S)000-00-250-03, Unit Penyelarasaran Anti-Dadah Maklumat Mengenai Pulau Bidong, 1982.
- Aszlan Selamat (April 2022). "Antara Kepentingan Nasional dan Komitmen Antarabangsa: Pengalaman Malaysia Mengurus Pelarian Vietnam dari Tahun 1975 Hingga 1990-an", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. Vol. 49 (1): 161-188. <https://jurnalarticle.ukm.my/18619/1/54739-180192-1-SM.pdf>.
- Bram Steenhuisen. 30 Ogos 2005. *Last Vietnamese boat refugee leaves Malaysia*. <https://www.unhcr.org/my/news/last-vietnamese-boat-refugee-leaves-malaysia>.
- Central Intelligence Agency (CIA). *Indochinese Refugees: The Continuing Exodus*. Research Paper, GI 83-10131, Copy 463. Jun 1983. <https://www.cia.gov/readingroom/docs/CIA-RDP84S00558R000400020002-7.pdf>
- Danny Wong Tze Ken (2003), "The Cham Arrivals in Malaysia: Distant Memories and Rekindled Links". *Archipel*. Vol. 85: 151-165. https://www.persee.fr/doc/arch_0044-8613_2013_num_85_1_4389.
- Helton, A.C. (1989). "Asylum and Refugee Protection in Thailand". *International Journal of Refugee Law*. Vol. 1 (1): 20-47. <https://doi.org/10.1093/ijrl/1.1.20>.

- Joint Communique of the 12th ASEAN Ministerial Meeting.
- Nadarajah. K.N. 2000. *Tengku Ahmad Rithauddeen: His Story*. Kelana Jaya: Pelanduk Publications.
- Nakamura, Rie. (2019). "Becoming Malaya: The Politics of the Cham Migration to Malaysia", *Studies in Ethnicity and Nationalism*. Vol. 19 (3): 289-306. Doi:10.1111/sena.12305.
- National Archives and Records Administration. State 125438, *Weekly Status Report -- Thailand, Indonesia, Malaysia, Burma and Singapore Affairs, Refugee Problems Create Growing Concerns in Thailand*. 17 Mei 1979. <https://aad.archives.gov/aad/createpdf?rid=236687&dt=2776&dl=2169>
- New Straits Times*, 31 Julai 1979. "Kriangsak hits at the West's response to refugee plight".
- Puangthong Rungswadisab (2006). "Thailand's Response to the Cambodian Genocide". Dalam *Genocide in Cambodia and Rwanda*. Disunting oleh Susan E. Cook. London: Routledge
- Rajendran. M. 1985. *ASEAN's Foreign Relations: The Shift to Collective Action*. Kuala Lumpur: Arenabuku.
- "Statement by Wan Mokhtar Ahmad". *Far Eastern Economic Review*. 16 Januari 1979.
- Suhrke, Astri (Jun 1981). "Indochinese Refugees: Impact on ASEAN and U.S. Policy". *Contemporary Southeast Asia*. Vol. 3 (1): 24-40. <https://www.jstor.org/stable/25797645>.
- Supang Chantavanich, P. Rabe (1990). "Thailand and the Indochinese Refugees: Fifteen Years of Compromise and Uncertainty". *Indochinese Refugees: 15 Years Later. Southeast Asian Journal of Social Science*. Vol. 18 (1): 66-80. <https://www.jstor.org/stable/24491754>.
- The National Archives, Kew. FCO 15/2427. *Refugees in Thailand, Indochinese Refugees in Thailand*.
- The Nation Review*, 3 Januari 1979. "More Countries Now Close Doors to the Vietnamese 'Boat people'".
- _____, 12 Januari 1979. "US team backs idea of refugee processing island".
- _____, 17 Januari 1979. "More Refugees Exodus Expected in next Few Months".
- _____, 17 Januari 1979. "Malaysia Takes a Tough Stand against Refugees"
- _____, 25 Ogos 1979. "40 VN infiltrators entered Thailand since January '79".
- _____, 7 Mac 1979. "Malaysia Safeguards Refugees' Gold".
- The Straits Times*, 13 Julai 1979. "Ghazali accuses Moscow, Peking and Hanoi...."
- _____, 8 Mac 1980. "Invasions set dangerous precedent, says Hussein".
- Uyen Nguyen (September 1990). "Working with Indo-Chinese Refugees in Malaysia: First Asylum Camps – A Social Work Perspective". *Australian Social Work*, Vol. 43 (3): 27-32. <https://doi.org/10.1080/03124079008550089>.